

No. Sebut harga: **JPV.NS.S/PK/1/2020**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan: **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Isuzu TFS55HDRP Tahun 2001	NBD 7333	1	5,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **6 JANUARI 2020** dan/hingga **16 JANUARI 2020** di antara jam **9.00 PAGI** hingga **4.00 PETANG** di **GARAJ KENDERAAN IBU PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN, LOT 1504, MUKIM PANTAI, BATU 6, JALAN JELEBU, 71770 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di **perenggan 4.** Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **JPV.NS.S/PK/1/2020** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:

**Unit Kewangan
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan,
Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6,
Jalan Jelebu, 71770 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **17 JANUARI 2020** jam **12.00 TENGAH HARI.**
Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat : Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu, 71770 Seremban, N.S.

Tarikh : **2/1/2020**

Cap : **DR. NIK HAMIDAH BINTI NIK HUSIN**
Pegawai
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Sembilan Darul Khusus

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN** (Kementerian atau Jabatan)
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*)
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.